

25/09/2000

Pemuda Gerakan tetap terima 17 tuntutan Suqiu

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemuda Gerakan tetap dengan pendirian menerima 17 tuntutan dasar Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) walaupun tidak setuju dalam lebih 10 daripada 84 agenda kecil mereka.

Ketua Pemuda Nasionalnya, Teng Chang Yoew, berkata persetujuan mengenai penerimaan 17 tuntutan dasar Suqiu itu dibuat sebelum pilihan raya ke-10 diadakan pada tahun lalu.

"Kami tetap dengan pendirian iaitu menerima 17 tuntutan dasar Suqiu. Bagaimanapun, lebih 10 daripada 84 agenda kecilnya tidak dapat diterima oleh kami," katanya.

Begitupun, Teng tidak menyebut agenda kecil yang tidak dipersetujui mereka itu.

Kelmarin, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Pemuda Umno menerima 17 tuntutan dasar Suqiu, tetapi 84 agenda kecilnya perlu diberi penjelasan lebih lanjut oleh Suqiu untuk mengetahui keadaan sebenar.

Menurut Hishammuddin, beliau akan berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengetahui situasi sebenar berhubung isu itu.

Ditanya sama ada Pemuda Gerakan akan mengikut Pemuda Umno berjumpa Perdana Menteri, Teng berkata, itu hanyalah perjumpaan antara Pemuda Umno dengan Dr Mahathir, ia tiada kaitan dengan Pemuda Gerakan.

(END)